

Kerja tambak laut tak mudarat alam sekitar

BH. 5/2/2016 MS. 16

Johor Bahru: Kerja penambakan laut di Johor bagi tujuan pembangunan tidak mendatangkan kemudaran alam sekitar kepada penduduk setempat, termasuk negara jiran Singapura.

Menyatakan hal yang sama, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata sehingga kini pemantauan rapi sentiasa dijalankan selain pematuhan yang baik daripada pemaju terhadap syarat dan Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA).

Tidak membantah

Katanya, menerusi pertemuan bersama Kementerian Alam Sekitar Singapura, Oktober tahun lalu, kerajaan republik itu boleh menerima dan tidak membantah atau menghalang sebarang pembangunan yang



Wan Junaidi
Tuanku Jaafar

berlaku di Johor.

"Hasil perbincangan menyeluruh berhubung pembangunan dan aktiviti penambakan laut di Johor itu menyaksikan Singapura tidak membantah atau menghalang berikutan

sehingga kini belum ada kesan negatif kepada negara itu.

"Saya juga mendapat belum ada kesan yang boleh dikatakan mendatangkan kemudaran alam sekitar kepada Singapura mahu pun Malaysia susulan aktiviti penambakan laut berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan lawatan kerja dan pertemuan bersama Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, di sini, semalam.

Tiada jerebu teruk

Terdahulu, Wan Junaidi mengadakan pertemuan kira-kira satu jam bagi membincangkan pelbagai isu berkaitan kerjasama antara kementeriannya dengan kerajaan negeri.

Dalam perkembangan lain,

Wan Junaidi berkata, kerajaan Indonesia memberi jaminan pembakaran terbuka dan jerebu teruk tidak akan berlaku di negara ini, tahun ini.

"Jaminan itu dinyatakan Menteri Lingkungan Hidup dan Kehutanan Indonesia, Siti Nurbaya Bakar, serta Menteri Koordinator Bidang Politik, Hukum dan Keamanan Indonesia, Luhut Binsar Panjaitan dalam pertemuan dengan saya, baru-baru ini.

"Kerajaan Indonesia melakukan segala persiapan, termasuk membaiki sistem parit dalam berdepan situasi kebakaran, selain membeli tiga pesawat Bombardier dari Malaysia.

"Kerajaan Indonesia menarik balik lebih 20 konsesi tanah ladang, yang diberi sebelum ini," katanya.